

Anjuran Bersama:



Dengan Kerjasama:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



ABS | Program Awam

KURSUS PROFESIONAL KOMUNIKASI LISAN

Tahap | Pertengahan

PENGENALAN

Kursus ini direka untuk membantu peserta menguasai kemahiran komunikasi lisan dalam Bahasa Melayu dengan lebih berkesan, jelas dan profesional. Penekanan diberikan kepada aspek tatabahasa, struktur ayat, kesantunan bahasa serta kemahiran penyampaian dalam pelbagai situasi komunikasi.

Peserta akan didedahkan kepada teknik komunikasi yang betul melalui aktiviti interaktif, latihan praktikal dan simulasi situasi sebenar di tempat kerja.

OBJEKTIF

Objektif kursus adalah untuk:

- Menyampaikan maklumat secara lisan dengan jelas menggunakan tatabahasa dan struktur ayat Bahasa Melayu yang betul dan tepat;
- Mempengaruhi dan meyakinkan pendengar melalui nada suara dan bahasa tubuh yang berkesan; dan
- Mempraktikkan komunikasi lisan dengan yakin dan berkesan.

HASIL KURSUS

Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:

- Menyampaikan maklumat secara lisan dengan jelas, tepat dan menggunakan tatabahasa yang betul
- Menggunakan bahasa yang sopan dan sesuai mengikut konteks Komunikasi
- Mempengaruhi dan meyakinkan pendengar melalui penyampaian yang berkesan
- Menggunakan nada suara, intonasi dan bahasa tubuh yang sesuai dalam Komunikasi
- Berkomunikasi dengan lebih yakin dalam pelbagai situasi profesional

KANDUNGAN

1. Asas Komunikasi Lisan

- Konsep komunikasi lisan
- Matlamat komunikasi yang berkesan
- Komunikasi khalayak (public speaking & presentation)
- Teknik membina keyakinan diri dalam berkomunikasi
- Induksi set (ice breaking) untuk membina interaksi peserta

2. Kesalahan Tatabahasa dalam Komunikasi Lisan

- Pengenalan morfologi dan sintaksis
- Kesalahan lazim dalam komunikasi lisan
- Pengaruh bahasa rojak dalam komunikasi
- Teknik pembetulan struktur ayat secara spontan

3. Kesantunan Bahasa dalam Komunikasi

- Penggunaan kata sapaan yang betul
- Etika komunikasi dalam situasi formal dan tidak formal
- Penggunaan bahasa yang sopan dan profesional
- Penyesuaian bahasa mengikut audiens

4. Komunikasi Interpersonal

- Gaya bahasa dalam komunikasi
- Bahasa tubuh (body language)
- Teknik membina hubungan melalui komunikasi
- Komunikasi dalam pelbagai situasi (mesyuarat, perbincangan, pembentangan)

5. Aktiviti Praktikal & Perbengkelan

- Role-play situasi komunikasi sebenar
- Latihan pengucapan awam
- Pembentangan individu dan kumpulan
- Maklum balas & penambahbaikan segera

KAEDAH PENGAJARAN

- Pembelajaran interaktif
- Latihan berkumpulan
- Simulasi situasi kerja sebenar
- Pembentangan dan coaching individu

KUMPULAN SASARAN

Warga sektor perbankan dan kewangan, syarikat insurans dan pengendali takaful yang ingin meningkatkan kemahiran berbahasa dan mutu penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi sektor perkhidmatan kewangan

PENCERAMAH



Norliza binti Abu Bakar

Munshi Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka

Puan Norliza ialah seorang profesional yang sangat berpengalaman luas dalam bidang pendidikan; berlatar belakangkan akademik yang kukuh dan pencapaian kerjaya yang luas. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu dari UKM dan Ijazah Sarjana Muda Pengajaran Bahasa Melayu dari UPM. Beliau merupakan mantan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pensyarah di Institut Pendidikan Guru Malaysia, berperanan sebagai Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah dan diiktiraf sebagai Guru Cemerlang.

Pelantikan sebagai Munshi Dewan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak tahun 2014 dan Jurulatih Bertauliah oleh Kementerian Sumber Manusia memperkukuh kepakaran dan sumbangan beliau dalam bidang kebahasaan. Kepakaran beliau dimanfaatkan oleh sektor kerajaan dan swasta serta institut pengajian tinggi di seluruh negara melalui kursus-kursus peningkatan bahasa dalam penulisan pelbagai dokumen rasmi. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai Editor Luar dan Panel Peningkatan Mutu Bahasa untuk pelbagai teks terbitan DBP serta telah menghasilkan penulisan yang berkaitan dengan bahasa dan pengajaran bahasa.

MAKLUMAT KURSUS

Tarikh : 11 – 12 November 2026

Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang

Lokasi : Asian Banking School

YURAN

RM1,500 seorang peserta*

*tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan sebanyak 8%

PENDAFTARAN

Pendaftaran Kursus

Pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui pautan berikut:
www.asianbankingschool.com

Pertanyaan & Maklumat Lanjut

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

E-mel : training@asianbankingschool.com

Telefon : +603 2701 7822 atau 03 2701 7815

Tarikh tutup pendaftaran: Dua (2) minggu sebelum tarikh kursus bermula



MyCo ID:
201201039737

HRDC Prog No:
10001707285

NOTIS PEMBATALAN PENYERTAAN

- Yuran penyertaan tidak akan dikembalikan sekiranya notis pembatalan diterima selepas tarikh tutup pendaftaran.
- Sekiranya peserta tidak dapat menghadiri kursus, penyertaan boleh digantikan dengan kakitangan lain dari organisasi yang sama.
- Pemakluman penggantian peserta hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mel selewat-lewatnya sehari sebelum tarikh kursus. Sila e-melkan kepada training@asianbankingschool.com

ABOUT ASIAN BANKING SCHOOL

The **ASIAN BANKING SCHOOL (ABS)** is dedicated to developing talent and is the largest specialised provider of quality banking training programmes in the ASEAN region.

As the industry's preferred partner in learning and development, ABS offers customised and open enrolment training programmes that cover a comprehensive list of banking areas developed by its Specialist Training Consultancy Team or in collaboration with strategic learning partners that includes some of the top business schools in the world. This includes its Executive Education programmes with Bayes Business School (formerly Cass) in London, the University of Cambridge Judge Business School, Frankfurt School of Finance and Management, INSEAD, the University of Edinburgh Business School, Bologna Business School, Bangor Business School, ESSEC Business School, Tsinghua University and the Saïd Business School, University of Oxford.

ABS began operations in 2015 and has continued to set the standard for developing talent in the banking industry through its innovative, unique, and relevant training programmes that have transformed the banking education landscape. In 2023, ABS established its Singapore office as part of its expansion plans to provide personalised training consultancy services within the region and is well positioned to be a gateway to the global markets.

Asian Banking School (201201039737)

Level 3, Bangunan AICB

10, Jalan Dato Onn

50480 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603-2701 7822

Emel : training@asianbankingschool.com

Website : www.asianbankingschool.com

Connect with us also on:

 Asian Banking School

 Asian Banking School (ABS)

Published in 2026 by the Asian Banking School

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted, in any form or by any means electronic, mechanical, photographing, recording or otherwise without the prior written permission of the publisher and copyright owners.

